

Ahli2 Wanita Umno diminta tunjuk teladan baik

KUALA LUMPUR, Isnin

— Isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Maria Musa hari ini mengingatkan ahli-ahli Pergerakan Wanita Umno supaya menjadikan diri mereka sebagai teladan kepada umum kerana mereka adalah ahli kepada parti pemerintah.

Ketika merasmikan Pertandingan Nasyid Pergerakan Wanita Umno Malaysia di Ibu Pejabat Umno di sini, beliau berkata peringkat awal dalam memberikan teladan itu boleh dimulakan dari rumahtangga sendiri seperti menerapkan nilai-nilai kebersihan, yang dikehendaki oleh Islam.

Menurut Datin Maria, Pergerakan Wanita Umno telah banyak menolong kerajaan dalam usaha meninggikan lagi syiar Islam serta taraf hidup masyarakat dengan menggunakan kuasa politiknya untuk kepentingan Islam dan tidak menggunakan Islam untuk kepentingan politik.

"Kejayaan ini bukan saja dirasakan di dalam negara ini tetapi juga di peringkat antarabangsa. Sebagai contoh dengan kuasa yang ada kita dapat menerapkan nilai-nilai Islam ke dalam semua aspek kehidupan termasuk pentadbiran kerajaan sendiri," katanya.

Datin Maria menegaskan nilai-nilai Islam adalah nilai-nilai yang baik yang boleh diterima oleh semua golongan dan sifat-sifat seperti bersih, cekap, amanah, jujur, tekun, bekerja kuat dan menghormati orang lain sememangnya dituntut

oleh Islam.

Mengenai pertandingan nasyid itu, beliau berkata secara tidak langsung dakwah Islam dapat dikembangkan melaluinya.

Katanya, nasyid adalah salah satu dari kebudayaan Melayu bercorak Islam yang dikenali ramai sejak dari dahulu lagi.

Bagaimanapun, perkembangannya pernah terjejas sedikit masa dulu akibat dari pengaruh Barat yang begitu berleluasa berkembang di negara ini.

Bellau berharap kegiatan-kegiatan serupa ini akan sedikit sebanyak membantu Umno untuk mengembangkan pengaruh dan mengukuhkan kedudukan Islam di negara ini.

Sementara itu, kumpulan nasyid Nurul Hidayah dari Kuala Lumpur Bandar berjaya menjadi johan.

Tempat kedua dimenangi oleh kumpulan nasyid Nurul Ikhwan dari Kepung sementara tempat ketiga dimenangi oleh kumpulan nasyid Nansi Jaya dari Sungai Besi.

Datin Maria telah juga menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang pertandingan itu.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia